

# Ibu risau anak kurang bijak

Amalkan petua dan doa selain pemakanan sesuai untuk minda dalam meningkatkan akademik anak



muwan Islam seperti madu, kismis, susu segar, telur, halia dan buah delima. Setiap satunya mempunyai khasiat masing-masing. Puan boleh mencuba cara pemakanan ilmuwan Islam ini untuk anak-anak.

Isteri bekas Perdana Menteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali pernah menyeru ibu bapa supaya tidak berputus asa dalam memberi motivasi dan galakan kepada anak masing-masing. Islam juga meminta umatnya supaya tidak mempunyai sikap putus asa terhadap rahmat Allah.

Firman Allah yang bermaksud: "Janganlah kamu berputus asa daripada rahmat serta pertolongan Allah. Sesungguhnya tidak berputus asa daripada rahmat dan pertolongan Allah itu melainkan kaum yang kafir." (Yusuf: 87)

Puan, mencipta kecemerlangan anak adalah tugas mulia ibu bapa. Mendidik anak sehingga berjaya adalah satu proses yang panjang. Proses mendidik ini memerlukan ketekunan dan kekuatan kesabaran daripada ibu bapa. Sebab itu, dalam melukis masa depan anak, tiga bekalan yang tidak boleh ditinggalkan iaitu sabar, sabar dan sabar.

Saya mendoakan yang terbaik untuk puan dan suami serta sentiasa terus berusaha mendidik anak-anak ke tahap tertinggi akademik mereka.

bantutkan perkembangan diri.

Dewasa ini, banyak panduan sama ada dalam bentuk buku, laman web, ceramah motivasi berkaitan tajuk meningkatkan perkembangan kognitif atau bagaimana meningkatkan pencapaian akademik kanak-kanak atau remaja. Puan boleh merujuk kepada bahan-bahan ini.

Antara petua memotivasi anak ialah jadi pendengar yang setia dan bersikap jujur kepada mereka. Seperti yang puan lakukan, peruntukkan masa berkualiti untuk bersama anak.

Jangan lupa berikan penghargaan setiap kali anak melakukan perbuatan baik. Banyak petua dan doa dari sudut agama yang boleh puan amalkan dalam meningkatkan perkembangan akademik mereka.

Begitu juga daripada rahsia pemakanan il-

Jelasnya, puan dan suami sudah dan sedang melakukan segala yang termampu untuk menjadi ibu bapa mithali. Tahniah dan terima kasih atas usaha murni itu.

Setiap anak mempunyai keunikan dan potensi tertentu. Perkembangan kanak-kanak juga berbeza antara seorang kanak-kanak dengan kanak-kanak yang lain.

Terdapat banyak aspek yang memungkinkan perkembangan kanak-kanak itu berlaku sama ada dari aspek fizikal, kognitif, sosial, emosi dan moral.

Ada kanak-kanak yang lebih cepat matang berbanding rakannya. Perbezaan perkembangan ini membuatkan ibu bapa perlu memberi ruang untuk anak-anak mereka berkembang mengikut tahap tersendiri.

Usah memaksa individu untuk berkembang bukan pada tahapnya akan mem-

pada tahap keyakinan diri. Keyakinan diri pula antara faktor penting dalam membina satu perhubungan.

Namun, ia bukan penentu kepada perhubungan yang baik. Banyak elemen lain seperti bersikap mengambil berat dan memahami dapat menarik hati pasangan.

Selain daripada bersifat subjektif, kecantikan datang dari pelbagai aspek. Ia boleh dinilai dari sudut paras rupa, kecantikan hati, budi bahasa dan kecantikan tersendiri.

Bentuk badan boleh berubah dan juga dilihat berbeza. Ada yang merasakan orang berbadan gempal sebagai seorang menarik dan sebaliknya. Penilaian bentuk badan dan rupa berbeza mengikut keinginan dan perbezaan individu.

Berasa gembira dengan apa yang ada di samping berusaha untuk memperbaiki apa yang diinginkan dapat membantu adik untuk melihat sesuatu dari

jadi seorang yang berjaya dan inginkan kehidupan senang, pelajaran adalah kunci paling utama.

Saya dan suami sering runsing setiap kali peperiksaan kerana anak-anak saya hanya mampu memperoleh markah pertengahan iaitu sekitar 50 ke 60 peratus saja. Sedangkan kami mengharapkan mereka mendapat markah 90 ke atas.

Saya buntu apakah lagi bantuan yang harus diberikan agar anak-anak ini lebih cemerlang. Saya harap Dr dapat memberi tunjuk ajar supaya dapat mendidik anak-anak menjadi cemerlang dalam pelajaran.

## IBURUNSING, Selangor

**Saya** ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih atas usaha puan dan suami berterusan mendidik anak-anak. Sesungguhnya, anak-anak salah satu anugerah terindah daripada Allah SWT kepada mereka yang bergelar ibu bapa.

Saya gembira puan dan suami sedar bahawa anugerah ini datang dengan satu

tanggungjawab yang besar iaitu tanggungjawab untuk mendidik dan membentuk anak menjadi insan berguna dan cemerlang.

Sabda Nabi Muhammad SAW: "Sebaik-baik manusia antara kamu adalah yang paling banyak memberi manfaat pada orang lain." (Diriwayatkan Bukhari dan Muslim)

Saya lihat puan bijak membahagikan masa. Walaupun berkerjaya, puan dapat memantau pendidikan anak-anak. Anak ibarat kain putih, ibu bapa dan orang yang sekelilingnya yang mencorakkan anak itu agar akhirnya menjadi kain yang bermacam-macam coraknya.

Secara psikologinya, keprihatinan puan dan suami dengan anak-anak memberikan sentuhan emosi yang bukan kecil nilainya.

Puan bertuah mempunyai anak yang baik dan berpotensi besar untuk berjaya. Seperti puan katakan, mereka mendengar kata. Sifat positif mereka boleh puan gilap supaya menjadi lebih cemerlang dari aspek emosi, akademik dan kerohanian.

narik, saya masih tidak yakin dengan apa mereka katakan.

Saya juga berpendapat, mereka hanya ingin menyedapkan hati saya saja. Perkara ini saya anggap masalah besar kerana ia mengganggu pemikiran dan emosi saya. Bantulah saya.

## HODOH DAN GEMPAL, Kelantan


**Adik** merasakan tidak layak bercinta kerana faktor bentuk rupa dan badan. Ahli psikologi berpendapat individu selalu mempunyai pemikiran tersendiri mengenai siapa dirinya. Kesannya, individu akan selalu berasa bimbang mengenai apa yang

mereka ada termasuk bentuk fizikal.

Kenyataan ramai rakan yang memperakui rupa paras adik yang menarik masih tidak cukup kuat untuk menolak persepsi adik mengenai wajah sendiri. Pemikiran yang adik bentuk sendiri mengenai wajah ternyata lebih kuat daripada pengesahan yang dilakukan oleh orang sekeliling.

Tidak salah memikirkan mengenai bentuk badan dan rupa, tapi terlalu banyak memikirkannya akan membawa fikiran menjadi lebih kusut dan emosi terganggu.

Dr akui bentuk fizikal banyak menyumbang ke-



perspektif yang berbeza.

Contohnya, belajar untuk menerima kata-kata orang sebagai satu pengesahan mengenai diri adik. Begitu juga, jika adik tidak selesa dengan bentuk badan, adik boleh berusaha untuk

menurunkan berat badan.

Cinta adalah hak setiap orang, tidak mengira paras rupa, harta, warna kulit. Lantaran itu, adik berhak bercinta dan dicintai dengan keadaan diri adik sekarang.

## KAUNSELING REMAJA

Prof Madya Datin  
Dr Sapora Sipon

rencana@hmetro.com.my

**Saya** ibu yang berkerjaya, mempunyai dua anak berusia 13 dan 14 tahun. Masalahnya, saya tidak tahu bagaimana mahu menjadikan anak saya cemerlang dalam akademik mereka.

Saya menghantar mereka ke kelas tambahan serta sentiasa memantau kerja sekolah mereka. Dari segi perlakuan, mereka tiada masalah dan diakui anak yang baik, mendengar kata dan tidak suka membantah kata-kata ibu bapa.

Mereka juga mempunyai inisiatif tinggi untuk berjaya. Setiap kali kami makan bersama, saya dan suami memotivasi mereka untuk rajin belajar dan menasihati supaya jangan lupa menunaikan solat.

Saya juga sering mengingatkan mereka supaya buat kerja sekolah dan belajar rajin-rajin. Saya pastikan mereka mengulang kaji pelajaran. Saya sering beritahu, kalau ingin men-

# Remaja hodoh tak mahu bercinta

**Saya** mahasiswa sebuah institusi pengajian tinggi yang tidak mempunyai rupa paras cantik. Saya masukkan diri dalam kategori hodoh. Selama ini saya tiada apa-apa masalah yang merunsingkan.

Tapi entah sejak kebelakangan ini, saya mula gusar dengan masalah rupa bentuk fizikal saya yang tidak menarik.

Untuk pengetahuan Dr, saya berbadan gempal. Disebabkan itu juga saya berpendapat orang seperti saya tidak layak bercinta kerana keadaan fizikal yang ada.

Walaupun ramai rakan memberi semangat dengan mengatakan saya seorang yang mempunyai rupa me-